




JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KUALA LUMPUR
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jalan Maharajalela
50648 KUALA LUMPUR



Telefon : 603-2148 4444
Faks : 603-2144 3827
Portal Rasmi : www.bomba.gov.my
E-mel : bkk_kl@bomba.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JBPM/KL/BKK:700-2/6/1 Jld.3 ()
Tarikh : 24 Jun 2015

 Pengerusi
Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
18, Jalan Tuanku Abdul Rahman, City Centre
50100 Kuala Lumpur
Kuala Lumpur.

Tuan,

PEMAKLUMAN MENGENAI KESILAPAN-KESILAPAN KECIL DAN BERULANG YANG SERING BERLAKU DALAM PROSES MENDAPATKAN SOKONGAN PELAN ARKITEKTURAL.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan, Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur telah menerima sebanyak 742 pelan arkitektural daripada Januari hingga Mei 2015. Sebanyak 408 pelan telah ditolak atas sebab-sebab tertentu termasuk kesilapan yang kecil. Namun, setelah diproses masih terdapat kesilapan atau kesalahan yang sama dan berulang ke atas pelan-pelan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan juga statistik pemprosesan pelan arkitektural dari tahun 2012 hingga 2014 seperti di Lampiran A.

3. Sehubungan dengan itu, suka kami untuk memberi perhatian kepada pihak tuan di mana kesilapan yang kecil dan berulang yang sering berlaku adalah seperti berikut:

- i. Tidak nyata dan mengemaskini kehendak-kehendak kebombaian semasa yang berkaitan dengan projek dan tiada pengesahan dengan tandatangan oleh pihak PSP pada kehendak-kehendak kebombaian tersebut;
- ii. Hayunan pintu tidak menghala ke arah jalan keluar bangunan;
- iii. Tidak menandakan sistem-sistem kebombaian sedia ada di dalam pelan bagi pelan pindaan atau ubahsuaian;
- iv. Jarak antara gegelung hos ke gegelung hos yang melebihi 30m;
- v. Tangga keluar tidak dikepong dengan batu bata sepenuhnya;
- vi. Lif tidak dibuka dalam lobi lif terlindung; dan
- vii. Had jalan mati & jarak perjalanan tidak diambilkira dengan sewajarnya.

"CEPAT DAN MESRA"



4. Kesilapan kecil dan berulang seperti di atas menyebabkan pihak kami tidak dapat menyokong pelan tersebut dan hal ini telah menyebabkan pertambahan tempoh masa bagi pihak tuan untuk mendapatkan sokongan daripada pihak kami.


5. Oleh yang demikian, mohon perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan dalam perkara ini ke arah penambahbaikan bersama dari semasa ke semasa dalam mengurangkan kesilapan-kesilapan berulang dalam proses untuk mendapatkan sokongan ke atas pelan arkitekural.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1 Malaysia” Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,



(KHIRUDIN BIN DRAHMAN)

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kuala Lumpur.

- s.k.: 1. YAS Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
2. YS Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. Timbalan Pengarah
JBPM Kuala Lumpur.
4. Penolong Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
JBPM Kuala Lumpur.

**PENERIMAAN PELAN AKITEKTURAL
TAHUN 2012-2015(JAN-MEI)**

TAHUN	PELAN AKITEKTURAL				JUMLAH
	LULUS	%	TOLAK	%	
2012	825	49	860	51	1685
2013	725	48	776	52	1501
2014	813	42	1100	58	1913
2015(JAN-MEI)	334	45	408	55	742